

1103/2  
BAHASA MELAYU  
KERTAS 2  
NOVEMBER 2022  
2 JAM 30 MINIT

## NO KAD PENGENALAN

<input type="text"/>	-	<input type="text"/>	<input type="text"/>	-	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>					
----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	---	----------------------	----------------------	---	----------------------	----------------------	----------------------

Nama Pelajar : .....

Tingkatan : .....



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
(CAWANGAN KELANTAN)

## PERCUBAAN SPM

2022

BAHASA MELAYU  
KERTAS 2  
DUA JAM TIGA PULUH MINIT

1. *Kertas ini mengandungi sembilan soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

[35 markah]

1. Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata adjektif. Kemudian, bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata adjektif tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan tersebut sebagai peribahasa atau nama khas.

Nilai yang baik ini perlu dibentuk dalam kalangan anak muda sejak mereka kecil lagi, bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebungnya. Ibu bapa merupakan golongan tua yang perlu dihormati dan pandangan mereka yang bernas perlulah diambil kira. Kita digalakkan menggunakan bahasa yang indah dan lembut semasa berbicara dengan mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'PKP Menguatkan Sistem Kekeluargaan',  
*Pelita Bahasa*, Bil 06 2020

[8 markah]

2. Tukar ayat bersusunan songsang di bawah kepada ayat bersusunan biasa tanpa mengubah maksud asalnya.

- i. Sangat petah berhujah pemidato yang berasal dari Kelantan itu.
- ii. Setelah mendapat suntikan dana daripada pihak kerajaan sektor pelancongan dilihat semakin rancak.
- iii. Selepas menghabiskan masa berlatih di padang pemain bola itu berehat dalam keadaan letih.

[6 markah]

3. Petikan ceramah di bawah mengandungi beberapa kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut. Senaraikan dan betulkan sebelas kesalahan sahaja. Anda tidak perlu menyalin ceramah tersebut.

Assalamualaikum dan selamat sejahtera saya ucapkan pada Puan Norhanis bt Ismail, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Durian Musang, barisan penolong kanan, guru-guru dan semua rakan yang dikasihi. Pada pagi ini, saya akan memberikan ceramah bertajuk 'Menghargai Jasa Ibu Bapa.'

Warga dewan yang saya muliakan,

Apabila kita berdiskusi mengenai kedua ibu bapa kita, saya yakin kita sama-sama akan terkenang jasa ibu bapa yang terlalu banyak dalam membesarakan kita. Sehubungan itu, kita sewajarnya berusaha untuk membalas jasa mereka dengan apa-apa cara sekalipun.

Kita tidak boleh sese kali menguris perasaan mereka kerana reda mereka sangat penting untuk kehidupan kita.

Sebagai murid, kita sepatutnya belajar bersungguh untuk mencapai kejayaan di dalam peperiksaan agar mereka berbangga dengan kita. Selain cemerlang dalam bidang akademik, kita juga perlu mempunyai shahsiah terpuji. Kita sewajarnya dipatuhi semua nasihat dan pandangan mereka.

Kita juga perlu berazam untuk jaga mereka apabila mereka dewasa nanti. Kita perlu sentiasa mendoakan agar mereka sejahtera di dunia dan akhirat.

[11 markah]

4. Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Setelah sudah ibunya mendengar kata anaknya demikian itu, maka ibunya pun menangis, seraya berkata, "Hai anakku, yang bapamu itu sudah mati dibunuh oleh seorang Melayu bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka."

Setelah Kertala Sari mendengar kata ibunya demikian itu, maka Kertala Sari pun terlalu marah, katanya, "Siapa menyuruh membunuh bapaku itu supaya negeri Majapahit ini habis kubinasakan?"

Dipetik daripada  
'Kepimpinan Melalui Teladan'  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang Dari Istanbul*  
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

5. Baca dialog di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam dialog tersebut.

Nik : Jika mahu berjaya kita perlu belajar bersungguh-sungguh dan jangan mudah berputus asa.

Rehan : Saya setuju. Tanpa usaha kita tidak akan berjaya bak kata pepatah.....  
Kita mesti bekerja keras untuk berjaya.

Nik : Sebagai sahabat kita perlu berusaha dan menyelesaikan masalah dalam pelajaran bersama-sama umpama .....

Rehan : Kejayaan yang cemerlang tidak akan dicapai dengan mudah.

[4 markah]

**BAHAGIAN B : PEMAHAMAN****[35 markah]**

6. *Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

Tugas untuk memperkasakan dan memartabatkan bahasa Melayu bukanlah suatu tugas yang mudah, namun tugas ini tidak mustahil untuk dilakukan. Terdapat beberapa cabaran yang dilihat berkemungkinan dapat merencatkan usaha pemerkasaan bahasa Melayu termasuklah cabaran bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, cabaran bahasa Melayu pada zaman sains dan teknologi dan cabaran bahasa Melayu terhadap sikap penuturnya.

Dalam hal ini, IPT mempunyai keupayaan untuk menangani cabaran yang telah disenaraikan itu. Sebagai pusat pengembangan ilmu, IPT seharusnya menjalankan pelbagai program dan usaha untuk mengubah sikap penutur bahasa Melayu, memperkaya bahasa Melayu serta mengintegrasikan bahasa Melayu pada zaman teknologi maklumat dan komunikasi yang semakin berkembang ini.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'IPT Disarankan Memperkasakan Bahasa',  
*Pelita Bahasa*, Bil. 8 2020

**Bahan 2**

Usaha memperkasakan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan perlu digembung secara bersepdu supaya bahasa ini bergerak seiring dengan kepantasan era teknologi maklumat dan komunikasi serta kemajuan negara. Pihak sekolah perlu melaksanakan pelbagai aktiviti kebahasaan dan kesusastraan Melayu supaya bahasa Melayu kekal relevan berdepan dengan cabaran semasa.

Dalam hal ini, guru dan pelajar sewajarnya menggunakan bahasa Melayu yang baik dengan betul semasa sesi pengajaran bahasa Melayu di sekolah dan diteruskan hingga luar sekolah. Kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu yang menarik **mampu mendorong** pelajar untuk menguasai bahasa Melayu dengan lebih baik, di samping memupuk minat mereka mencintai bahasa Melayu yang suatu ketika dahulu pernah menjadi **lingua franca** pedagang dari serata dunia.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Kekalkan Kecemerlangan Bahasa Melayu dalam Pendidikan'  
*Pelita Bahasa*, Bil.12 2020

- i. Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud frasa *mampu mendorong*. [2 markah]
  - ii. Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk memastikan bahasa Melayu kekal relevan dan mampu berdepan cabaran? [3 markah]
  - iii. Bahasa Melayu mampu dijadikan sebagai bahasa yang digunakan oleh semua pihak untuk menjalankan urusan perniagaan.  
Pada pendapat anda, apakah kepentingan-kepentingan bahasa Melayu yang lain kepada masyarakat dan negara? [4 markah]
  - iv. Ketidakcaknaan warga sekolah terhadap penggunaan bahasa Melayu yang baik dengan betul telah menjelaskan hasrat sekolah untuk melahirkan pelajar yang mampu menggunakan bahasa Melayu dengan baik dalam semua situasi.  
Sebagai Pengurus Persatuan Bahasa Melayu, nyatakan cadangan-cadangan anda untuk memperkasakan penggunaan bahasa Melayu yang baik dalam kalangan warga sekolah anda. [4 markah]
7. *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

Indah purnama dari pus�ita,  
cantik berseri di waktu malam,  
peranan utama adalah kita,  
membentuk diri cintakan alam.

Terbang kedidi singgah di kuala,  
elok bertenggek di tepi kali,  
kemusnahan terjadi di mana jua,  
jika harta menguasai diri.

Cantik bulan kerana terang,  
ditambah bintang yang berkelipan,  
kehijauan hutan akan menghilang,  
kalau ditebang tanpa kawalan.

Bunga kemboja si bunga sena,  
dipetik jatuh satu persatu,  
pusup segala flora dan fauna,  
manusia hidup berhutankan batu.

**Bahan 2**

Sungai Ceper semakin hari **semakin tohor** sehingga air sampai paras buku lali, Ikan-ikan terperangkap dan banyak yang mati kerana tidak boleh main air lagi. Sungai menjadi busuk kerana najis tidak boleh mengalir. Hendak mandi menyelam kepala dalam-dalam pun tidak boleh lagi kerana air Ceper betul-betul tohor.

Ibu mengamuk juga. Dia maki-maki Ceper yang boleh jadi begitu sehingga menyusahkan semua. Baruh habis kering. Padi pun kecut di dalam sawah. Yang sudah menguning boleh jadi tahan-tahan sampai benar-benar tunduk. Tetapi banyak yang belum masuk isi habis kering dan mati menjadi jerami begitu saja. Yang kuning pun nampak saja besar biji-biji padinya, tetapi banyak yang hampa kerana kemarau panjang sangat dan air Sungai Ceper tidak boleh menolong langsung.

Dalam hati ibu memang Ceper itu bedebahlah. Ibu tidak turun ke Ceper lagi kerana airnya sedikit. Ibu berbaik dengan telaga. Meskipun telaga di penjuru tanah kami itu amat dalam, ibu tarik juga tali timba membawa naik air ke atas.

Dipetik daripada cerpen Ibu dan Ceper  
oleh Shahnon Ahmad dalam antologi Harga Remaja,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- i. Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *semakin tohor*.  
[2 markah]
- ii. Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan kesan-kesan pencemaran alam sekitar.  
[3 markah]
- iii. Kedua-dua bahan menjelaskan bahawa pencemaran membawa implikasi negatif kepada masyarakat.  
Pada pendapat anda, apakah punca masalah pencemaran semakin menjadi-jadi?  
[3 markah]
- iv. Isu pencemaran sungai sering menjadi perbincangan hangat dalam kalangan masyarakat. Pencemaran ini telah menyebabkan sungai tidak dapat berfungsi sepenuhnya sebagai pembekal sumber air bersih untuk kegunaan harian dan lokasi menjalankan aktiviti riadah.

Sekiranya anda diberi peluang menjadi Ketua Pengarah Pengairan dan Saliran Malaysia, apakah langkah-langkah yang akan anda lakukan untuk menjaga sungai di negara kita?

[4 markah]

8. Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

(i) Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Gajah mati meninggalkan tulang. Harimau mati meninggalkan belang. Pahlawan-pahlawan Melayu yang terbilang itu pergi meninggalkan nama yang baik. Jasa dan pengorbanan mereka dikenang sepanjang zaman," kata Pak Saidi. "Orang Negeri Sembilan bangga dengan pahlawan mereka, Datuk Siamang Gagap yang menentang orang putih di Seri Menanti. Orang Pahang bangga dengan perjuangan Datuk Bahaman dan Mat Kilau. Orang Kelantan bangga dengan semangat Tok Janggut. Orang Naning bangga dengan Dol Said. Orang Sarawak bangga dengan Rentap. Orang Johor bangga dengan Si Bongkok Tanjung Puteri. Malah banyak lagi pahlawan terbilang yang sanggup menggadaikan nyawa demi tanah air tercinta. Jasa mereka masih dikenang sampai sekarang. Oleh itu, abang muhul anak-anak kita juga berjasa kepada bangsa, agama, dan tanah air," katanya lagi.

"Buatlah apa-apa yang abang fikirkan baik untuk anak-anak kita. Cuma pada pendapat saya, di samping mengajar ilmu silat, anak-anak juga mesti diberi ilmu pengetahuan supaya jadi orang pandai."

Dipetik daripada  
novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*  
karya Abdul Latip b Talib  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Siapakah pahlawan-pahlawan Melayu terbilang yang sanggup menggadaikan nyawa demi negara tercinta ?

[4 markah]

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- a) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- b) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan dua peristiwa yang menyebabkan pembaca berasa kagum akan watak utama.

[6 markah]

**BAHAGIAN C : RUMUSAN**  
**[30 markah]**

9. **Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal bahan.**

**Bahan 1**

Isu pelajar dibenarkan membawa telefon bimbit ke sekolah bukanlah perkara baharu kerana pihak Kementerian Pendidikan sendiri pernah membenarkan pelajar membawa telefon bimbit ke sekolah sebelum ini. Jika dilihat secara keseluruhan, kebenaran untuk pelajar membawa telefon bimbit ke sekolah akan membawa banyak keburukan daripada kebaikan walaupun diberi kebenaran bersyarat.

Kebenaran penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar di sekolah akan memudahkan pemantauan oleh ibu bapa. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila berlaku kes-kes kecemasan, ibu bapa dapat berhubung terus dengan anak mereka. Di samping itu, kebenaran ini juga membolehkan pelajar mengakses maklumat daripada Internet untuk proses pengajaran dan pembelajaran.

Namun demikian penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar akan mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran. Jika pelajar menggunakan telefon bimbit semasa belajar, sudah pasti tumpuan tidak dapat diberikan. Selain itu, penggunaan telefon akan mewujudkan budaya tunjuk-menunjuk dalam kalangan mereka selain menambahkan beban guru terutamanya jika berlaku kes kecurian. Hal ini turut menambahkan beban kewangan ibu bapa untuk menyediakan telefon kerana ramai pelajar yang kurang berkemampuan akan terasa hati melihat rakan yang lebih bernasib baik membawa telefon bimbit yang canggih.

Tuntasnya, kita dapat melihat lebih banyak kesan negatif jika cadangan memberi kebenaran membawa telefon bimbit ke sekolah diteruskan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dipetik dan diubah suai daripada  
[www.arenapendidikanmalaysia.blogspot.com](http://www.arenapendidikanmalaysia.blogspot.com)

**Bahan 2**

Implikasi negatif yang akan diperoleh pelajar jika membawa telefon bimbit ke sekolah ialah mereka berisiko untuk terdedah kepada pengaruh atau anasir yang tidak sihat. Kehadiran Internet telah membolehkan pelbagai informasi dari seluruh pelosok dunia disebarluaskan dan dicapai oleh sesiapa sahaja tanpa sebarang tapisan. Seterusnya, apabila pelajar menggunakan telefon bimbit dengan kerap, mereka akan terdedah dengan masalah kesihatan. Secara fizikal, mata akan terdedah dengan pencahayaan yang lebih banyak dan kompleks apabila kita menggunakan telefon bimbit dalam tempoh yang lama. Maka pelajar akan mengalami keletihan mata mengakibatkan mereka susah untuk fokus semasa belajar di sekolah.

Dipetik dan diubah suai daripada :  
[www.irujukan.my/](http://www.irujukan.my/)

## Bahan 3



KERTAS TAMAT